



**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN  
PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN PEMBAHARUAN LESEN  
PERNIAGAAN OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, CAWANGAN KUCHING  
SECARA JANJI TEMU MULAI 20 APRIL 2020**

- 1. Berapa lama tempoh masa untuk tarikh janji temu selepas permohonan melalui e-mel diterima?**

Dalam tempoh satu (1) ke tiga (3) hari (bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima). Maklum balas e-mel untuk penetapan tarikh janji temu akan diberikan dalam tempoh 24 jam dari masa e-mel diterima.

- 2. Bolehkah permohonan pembelian ekstrak perniagaan dilakukan?**

Boleh. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui e-mel.

- 3. Jika tarikh tamat lesen adalah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, adakah penalti akan dikenakan?**

Jika tempoh tamat lesen dalam tempoh pelaksanaan PKP bermula (18 Mac 2020 sehingga tamat PKP), penalti tidak akan dikenakan.

- 4. Adakah wakil dibenarkan untuk proses pembaharuan lesen, pembelian ekstrak dan pendaftaran syarikat?**

Wakil boleh dibenarkan. Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah memaklumkan di dalam e-mel permohonan dan wakil dihadkan untuk mewakili satu syarikat sahaja. Bagi proses pendaftaran, hanya pemohon sahaja dibenarkan untuk urusan tersebut. Keutamaan pendaftaran syarikat diberi kepada permohonan milikan tunggal sahaja bagi meminimakan pergerakan dan mematuhi PKP.

**5. Apakah dokumen yang diperlukan untuk pembaharuan lesen dan pendaftaran perniagaan?**

a) Bagi pembaharuan lesen, dokumen yang wajib disertakan ialah:

- i. Lesen asal yang telah tamat tempoh
- ii. Cap syarikat berserta alamat penuh
  - \*Laporan polis hendaklah disertakan (jika lesen asal hilang / tiada)

b) Bagi pendaftaran perniagaan, dokumen yang diperlukan ialah:

- i. Salinan kad pengenalan
- ii. Cap syarikat berserta alamat penuh syarikat
- iii. Geran pemilikan tanah / perjanjian jual beli premis / salinan cukai pintu
- iv. Dokumen surat perjanjian sewa / surat kebenaran daripada pemilik yang telah disetemkan
- v. Dokumen sokongan lain akan dimaklumkan melalui e-mel maklum balas (bergantung kepada jenis bidang perniagaan yang dipohon)

**6. Adakah peniaga yang berdaftar di luar daerah Kuching boleh membuat pembaharuan dan pendaftaran syarikat?**

Tidak. Pendaftaran dan pembaharuan lesen adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Pengeluar Lesen dan Pendaftar Nama Perniagaan daerah masing-masing.

**7. Bagaimana jika permohonan sudah dibuat sebelum tempoh PKP dan ingin menuntut sijil dan lesen perniagaan?**

Permohonan menuntut sijil dan lesen perniagaan hendaklah dibuat melalui e-mel.

Tarikh kemas kini: 17 April 2020